UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



68 Tahun
Perpustakaan Tun Abdul Razak
Merintis Kecemerlangan

Cetakan Pertama 2024

©Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM.

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian terbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukar dalam apa-apa jua bentuk dengan cara apa-apa jua sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pustakawan, Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Shah Alam.

Diterbitkan oleh:
Perpustakaan Tun Abdul Razak
40450 Shah Alam
Selangor
03-55443727
korporatptar@uitm.edu.my

Perpustakaan Tun Abdul Razak
68 Tahun Perpustakaan Tun Abdul Razak Merintis Kecemerlangan. 2024.
Shah Alam: Universiti Teknologi MARA.

ISBN 978-629-97761-1-6
1. Perpustakaan Tun Abdul Razak
2. Librarian
3. Libraries - History – Developing Countries
I. Perpustakaan Tun Abdul Razak
Z730


UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA


MALAYSIA
MADANI


"Tunggak ilmu itu, selain dari **sekolah dan universiti,** ialah **perpustakaan** dan **sejarah tamadun** yang besar itu dikaitkan dengan gedung ilmu yang besar."
19th CONSAL General Conference & Meeting in 2025 (CONSAL XIX)
17th June 2025
YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim
Perdana Menteri Malaysia

KANDUNGAN

Dari Pena Pemimpin			| 01
Profil Perpustakaan			| 05-11
Satu	:	Pendigitalan Perpustakaan *Library Digitalization*	| 13-22
Dua	:	Penciptaan Pengetahuan *Knowledge Creation*	| 25-39
Tiga	:	Perkhidmatan Dinamik dan Inklusif *Vibrant Centre of Learning*	| 41-46
Empat	:	Kecemerlangan Bakat *Talent Excellence*	| 48-51
Lima	:	Jalinan Komuniti *Community Engagement*	| 53-57
Enam	:	Arkib Universiti *University Archive*	| 58-66

1 2 3 4 5 6





YBrs. Ts. Haji Azizi bin Haji Jantan
Ketua Pustakawan
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
MALAYSIA

Dari Pena Pemimpin

"Merintis Kecemerlangan 1956 – 2025"

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Malaysia MADANI

> "Dari akar sejarah yang kukuh, kita melangkah ke masa depan yang penuh visi dan inovasi."

Pada tanggal 4 Jun 1956, sebuah perjalanan penuh makna telah bermula. Perjalanan yang memahat sejarah kecemerlangan, dedikasi, dan semangat tanpa henti untuk membina sebuah pusat ilmu yang unggul. Hari ini, genap 53 tahun kita bersama-sama mengorak langkah, membentuk warisan dan membina identiti sebagai Pusat Pembelajaran yang dinamik dan berdaya saing *(Vibrant Centre of Learning)*.

Perpustakaan bukan sekadar gudang ilmu, tetapi menjadi nadi yang menghubungkan masa lalu, masa kini, dan masa depan. Kita menggabungkan koleksi bersejarah dengan teknologi terkini, menyantuni pembelajaran fizikal dan digital serta memupuk budaya ilmu yang inklusif untuk semua lapisan masyarakat akademia.

Melangkah ke hadapan, Perancangan Strategik Perpustakaan 2030 menjadi kompas hala tuju kita:

1. **Transformasi Digital Menyeluruh** – Memperkasa perkhidmatan berasaskan AI, automasi, dan analitik data bagi pengalaman pengguna yang optimum.

2. **Pengukuhan Akses Ilmu Tanpa Sempadan** – Menghubungkan sumber fizikal dan digital untuk komuniti global.

3. **Perpustakaan Sebagai Pusat Kolaborasi Inovatif** – Mewujudkan ruang kerja bersama *(co-working space)* dan makmal idea untuk penyelidikan serta inovasi.

4. **Pemeliharaan Khazanah Warisan UiTM** – Memanfaatkan teknologi digitalisasi untuk memelihara dan memasyarakatkan koleksi bersejarah.

5. **Pembangunan Bakat Pustakawan Berimpak Tinggi** – Melahirkan barisan pustakawan masa depan yang berkemahiran tinggi, versatil, dan proaktif.

Kesemua usaha ini adalah untuk memastikan Perpustakaan UiTM terus menjadi pusat kecemerlangan ilmu, memacu aspirasi universiti dan memberi impak positif kepada masyarakat, industri, serta negara. Dengan semangat "Merintis Kecemerlangan", marilah kita berganding bahu, memperkukuh nilai-nilai murni dan inovasi, demi memastikan warisan ini terus gemilang hingga ke generasi masa hadapan.

YBrs. Ts. Haji Azizi bin Haji Jantan

Ketua Pustakawan
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
MALAYSIA










ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)
BIDANG TUMPUAN
PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN


ANUGERAH KECEM
POSTER TERBAIK



BUDAYA

Ucapan
KETUA PUSTAKAWAN
BENGKEL FORENSIK


MIMA

Ucapan
KETUA PUSTAKAWAN


TALENT







MyIPO
Perbadanan Harta Intelek Malaysia
Intellectual Property Corporation of Malaysia

























PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

Profil Perpustakaan

Library Profile



29 Julai 1972

Perpustakaan telah dirasmikan oleh YAB Tun Abdul Razak bin Hussein, S.M.N., Perdana Menteri Malaysia Kedua dan dinamakan Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) sebagai penghormatan kepada negarawan ini.



29 Julai 1972

Tun Abdul Razak dan isteri, Tun Rahah Mohamed menanam pokok *'Golden Shower'* sebagai tanda simbolik perasmian Perpustakaan Tun Abdul Razak pada 29 Julai 1972.

Petikan Ucapan
YAB. Tun Abdul Razak bin Hussein



"Tiap-tiap penuntut MARA baik lelaki mahupun perempuan yang berdiri di hadapan khalayak ramai petang ini mestilah mensifatkan istiadat meletak batu asas Institut Teknologi MARA sebagai satu ketika riwayat hidup mereka itu bagi meletakkan batu asas pendirian mereka itu sendiri yang teguh lagi bermakna, bersendikan semangat yang cergas lagi dinamis untuk menyambut dan menjunjung hasrat amanah rakyat bumiputera pada mereka itu supaya mencari ilmu pelajaran, latihan dan kemahiran yang betul-betul akan menukarkan cara dan corak mereka itu berfikir dan hidup dengan lebih mewah, mulia, kaya dan segar yang benar-benar akan memberi makna pada bangsa dan nusa mereka itu kelak. Bangunan batu, khutub khanah berhawa dingin, bilik makmal dan tapak yang lebih lebar ini tidak akan menjadi Maktab atau ITM yang berguna jikalau pandangan penuntut tidak saujana dan fikiran, kemahuan dan semangat mereka tidak dinamis. Saya pulangkanlah pada penuntut-penuntut dan ibu bapa sekalian supaya memberi sumbangan dan menerusi fikiran yang bernas, tenaga yang kuat dan semangat dalam menyelidik dan mendalam ITM ini seimbang dengan kemajuan-kemajuan dan perkembangan-perkembangan yang diamanatkan oleh rakyat bumiputera pada kita sekalian untuk mendirikannya. Sekarang, dengan beberapa sukacitanya saya merasmikan perletakan batu asas ITM di Batu Tiga ini."

Petikan Ucapan YAB. Tun Abdul Razak bin Hussein, Timbalan Perdana Menteri Malaysia di Upacara Perletakan Batu Asas ITM Batu Tiga, Jalan Klang, Selangor pada 14 Oktober 1967.

Slogan

Perpustakaan Universiti Teknologi MARA

ڤرڤوستاكاءن تون عبدالرزاق

Perpustakaan Tun Abdul Razak

ڤمبوداياءن علمو ممبنتوق اديواڠسا

Pembudayaan Ilmu Membentuk Adiwangsa

Pembudayaan Ilmu :

Pengalaman dalam penyampaian dan penyantunan ilmu yang dapat memberi makna dan hikmah terhadap diri seseorang.

Membentuk Adiwangsa :

Melahirkan insan yang mempunyai nilai mulia, berilmu, beradab dan berintegriti yang bermanfaat sesama manusia, alam serta makhluk-Nya.



SEJARAH PENUBUHAN 39 BUAH
PERPUSTAKAAN UiTM

SHAH ALAM



1956-1965:
Perpustakaan Dewan Latehan RIDA, Jalan Othman

1965-1967:
Perpustakaan Maktab MARA, Jalan Othman

1967-2014:
Perpustakaan ITM Jalan Othman

1972:
Perpustakaan Tun Abdul Razak, Shal Alam

1986:
Perpustakaan Tun Abdul Razak Undang-Undang

1994:
Perpustakaan Tun Abdul Razak Alam Bina

2003:
Perpustakaan Tun Abdul Razak Kejuruteraan

2003:
Perpustakaan Tun Abdul Razak Sains dan Teknologi

PERLIS



1974:
Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan UiTM Kampus Arau

SELANGOR



2004:
Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Kampus Puncak Perdana

2009:
Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Kampus Puncak Alam

2010:
Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Kampus Selayang

2012:
Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Kampus Teluk Intan

2012:
Perpustakaan Tun Abdul Razak Kompleks Alam Bina & Seni Reka UiTM Kampus Puncak Alam

2013:
Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Kampus Sungai Buloh

HOSPITAL AL-SULTAN ABDULLAH (HASA)



2021:
Perpustakaan Perubatan Tun Abdul Razak
Hospital Al-Sultan Abdullah

TERENGGANU



1975:
Perpustakaan Cendekiawan UiTM Kampus Dungun

2008:
Perpustakaan Cendekiawan UiTM Kampus Kuala Terengganu

2008:
Perpustakaan Cendekiawan UiTM Kampus Bukit Besi

N. SEMBILAN



1999:
Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Kampus Kuala Pilah

2014:
Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Kampus Seremban 3

2014:
Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Kampus Rembau

SARAWAK



1973:
Perpustakaan Tun Abdul Razak
UiTM Kampus Samarahan

1996:
Perpustakaan Tun Abdul Razak
UiTM Kampus Mukah

2013:
Perpustakaan Tun Abdul Razak
UiTM Kampus Samarahan 2

MELAKA



1984:
Perpustakaan Tun Abdul Razak
UiTM Kampus Alor Gajah

2006:
Perpustakaan Tun Abdul Razak
UiTM Kampus Bandaraya Melaka

2014:
Perpustakaan Tun Abdul Razak
UiTM Kampus Jasin

PERAK



1996:
Perpustakaan Tun Abdul Razak
UiTM Kampus Seri Iskandar

2012:
Perpustakaan Tun Abdul Razak
UiTM Kampus Tapah

SABAH



1973:
Perpustakaan Tun Abdul Razak
UiTM Kampus Kota Kinabalu

1996:
Perpustakaan Tun Abdul Razak
UiTM Kampus Tawau

JOHOR



1983:
Perpustakaan Tun Dr. Ismail
UiTM Kampus Segamat

2007:
Perpustakaan Tun Dr. Ismail
UiTM Kampus Pasir Gudang

PAHANG



2005:
Perpustakaan Al-Bukhari
UiTM Kampus Jengka

2015:
Perpustakaan Tun Abdul Razak
UiTM Kampus Raub

KEDAH



1998
Perpustakaan Sultan Badlishah
UiTM Kampus Sungai Petani

P.PINANG



1996:
Perpustakaan Tun Abdul Razak
UiTM Kampus Pematang Pauh

2011:
Perpustakaan Tun Abdul Razak
UiTM Kampus Bertam

KELANTAN



1985:
Perpustakaan Tengku Anis
UiTM Kampus Machang

2007:
Perpustakaan Tengku Anis
UiTM Kampus Kota Bharu


"Cabaran pustakawan hari ini adalah menjadi penyampai magis ilmu secara efektif **membimbing** dan **membuka cakrawala** kepada pengunjung supaya mencintai buku dan ilmu."
19th CONSAL General Conference & Meeting in 2025 (CONSAL XIX)
17th June 2025
YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim
Perdana Menteri Malaysia

Pendigitalan Perpustakaan

Library Digitalization

GARIS MASA PENDIGITALAN
Perpustakaan UiTM

INISIATIF DIGITAL



KERANGKA KECERDASAN BUATAN (AI)
Perpustakaan UiTM 2030



Perpustakaan UiTM membangunkan Kerangka AI yang merangkumi lima domain utama iaitu Data, *Natural Language Processing (NLP), Computer Vision, Robotic,* dan *Machine Learning (Algorithms).*

Kerangka ini diterjemahkan melalui 13 komponen AI seperti:

- *Digital Process: Cataloging & Metadata, Data Analytics, Recommendation Systems, Digital Preservation, Digital Content Management,* dan *Automated Inventory.*
- *Digital Collections: Predictive Analytics for Collection Development.*
- *Digital Services: Automated Customer Support, Information Retrieval, Facial Recognition for Security, Language Translation, Writing & Publishing,* serta *Security & Access Control.*

Hasilnya, AI memperkasa perpustakaan dalam menyediakan *Personal Learning Network, Experiential Learning,* dan *Digital Literacy* kepada warga UiTM.
Dengan pendekatan ini, Perpustakaan UiTM bukan sahaja meningkatkan kecekapan operasi, malah memperkukuh kedudukannya sebagai peneraju Perpustakaan Digital Pintar yang mendokong aspirasi universiti ke arah global.

KECERDASAN BUATAN (AI)
Perpustakaan UiTM

Perpustakaan UiTM terus melangkah ke hadapan dengan mengintegrasikan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) dalam pelbagai aspek perkhidmatan, pengurusan, dan pembangunan sistem perpustakaan. Inisiatif ini bertujuan memperkukuh peranan perpustakaan sebagai *"Vibrant Centre of Learning"*, sejajar dengan aspirasi UiTM untuk kekal relevan, inovatif dan berimpak global.

Penerapan AI ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan operasi perpustakaan, malah memperluas akses ilmu pengetahuan, memperkukuh penyampaian maklumat, dan menambah baik pengalaman pengguna. Dengan langkah ini, Perpustakaan UiTM bersedia menghadapi cabaran masa depan dan mendokong UiTM sebagai peneraju Bumiputera profesional.



INISIATIF PENDIGITALAN

Sistem Perpustakaan UiTM



Perpustakaan UiTM telah melalui pelbagai fasa transformasi sistem bermula daripada penggunaan kad katalog bibliografik secara manual sehinggalah ke era digital bersepadu. Peralihan daripada SISPukom (1993) ke sistem ILMU (1998), dan seterusnya ke *Web Based Integrated Library System* (WILS) pada 2015, membuktikan komitmen perpustakaan dalam memanfaatkan teknologi maklumat bagi memperkukuh akses, pengurusan, dan penyebaran ilmu.

Kini, memasuki tahun 2025, UiTM memperkenalkan kerangka *Enterprise Library Management System* (ELMS) sebagai teras baharu pendigitalan perpustakaan. PERMATA dibangunkan bagi menggantikan sistem terdahulu yang bergantung kepada kepakaran luar sejak 1993, dengan objektif utama menyediakan pengurusan sumber perpustakaan yang lebih efisien, terselaras dan bersepadu di seluruh rangkaian Perpustakaan UiTM.

Langkah strategik ini sejajar dengan aspirasi UiTM untuk menjadi *"Vibrant Centre of Learning"*, memastikan setiap warga universiti mendapat akses pintar kepada sumber maklumat, sekaligus memperkukuh kedudukan UiTM sebagai peneraju Bumiputera profesional dalam era digital.

Perpustakan Revolusi Maklumat Teknologi AI **(PERMATA)**

Alhamdulillah, PERMATA dibangunkan oleh kepakaran staf dalaman perpustakaan bermula Januari 2024 dan siap sepenuhnya pada 31 Disember 2024. Sistem baharu Perpustakaan UiTM yang dinamakan **Perpustakaan Revolusi Maklumat Teknologi AI**, telah diguna pakai pada 1 Januari 2025. PERMATA ini direka khas untuk memanfaatkan teknologi kecerdasan buatan (AI) dan integrasi dengan sistem universiti.



PERMATA terdiri daripada Portal PERMATA, PERMATA *Search* dan PERMATA LMS.

- **Portal PERMATA** menyediakan *personalised resources* untuk pelajar dan pensyarah dalam memacu pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan.
- **PERMATA *Search*** menyediakan penyampaian perkhidmatan carian bahan perpustakaan meliputi bahan fizikal, buku elektronik, tesis, projek pelajar, surat khabar dan bahan arkib. Perkhidmatan ini juga menyediakan fungsi kecerdasan buatan (AI) dikenali sebagai *Learning Assistant Library AI* menggantikan peranan *chatbot* tradisional dengan menjawab soalan pengguna secara automatik berkaitan bahan yang ingin dirujuk oleh pengguna.
- **PERMATA LMS** memperkasa operasi perpustakaan dengan memantapkan proses kerja dalaman untuk menyediakan perkhidmatan yang berkualiti. Modul utama terdiri daripada *Acquisition, Cataloguing, Circulation* dan *Bindery.*

PORTAL PERMATA

https://permata.uitm.edu.my

Portal PERMATA adalah kemuncak perjalanan transformasi perkhidmatan perpustakaan untuk warga UiTM selama hampir dua dekad, perjalanan yang bermula daripada EKMS (*Enterprise Knowledge Management System*) beralih kepada KM Portal (*Knowledge Management Portal*), diperkasa melalui MyKM v1 & v2 yang dibangunkan untuk memusatkan akses, dan dimatangkan dengan MyKM v4 yang memperkenalkan *Personalised Learning Network* (PLN). Hasil penambahbaikan berterusan ini melahirkan Portal PERMATA yang kini secara rasminya menjadi gerbang tunggal, perkhidmatan yang diperibadikan dan bersepadu untuk pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan untuk warga UiTM. Ia mula diguna pakai secara rasmi pada 1 Januari 2025.

Portal PERMATA ini menyediakan perkhidmatan personalisasi kepada pengguna mengikut kategori pelajar, staf akademik dan staf pentadbiran. Apa yang membezakan PERMATA?

- Dipacu dengan perkhidmatan personalisasi melalui Modul *My Account > My Reading* menjejak bacaan individu dan menyokong KPI *Visibility of UiTM Publication* dengan sasaran minimum 24 bahan bacaan setahun bagi setiap pengguna dalam menjadikan amalan membaca boleh diukur dan digerakkan di peringkat universiti.

- Akses personalisasi kepada bahan silibus, kertas peperiksaan akhir, buku elektronik dan bahan pembelajaran tambahan yang dimuat naik oleh pensyarah mengikut subjek serta semester terkini. Selain itu, pelajar juga berpeluang untuk berdiskusi bersama pensyarah dan rakan sekelas melalui platform ini.

- Staf akademik juga dapat menggunakan perkhidmatan personalisasi sama seperti pelajar, perbezaannya adalah dari sudut paparan *Dashboard* yang memaparkan *H-Index* yang terkini dan penambahan fungsi *Self-Material* untuk memuat naik bahan pengajaran tambahan.

- Ekosistem kandungan yang menyeluruh menggunakan satu platform untuk mengkases bahan perpustakaan seperti Institusi Repositori UiTM, Repositori Dokumen Universiti, Repositori Koleksi JAWI, kertas peperiksaan, pangkalan data atas talian, buku elektronik yang mendekatkan pengguna kepada bahan yang relevan tanpa perlu mengakses daripada platform berlainan.

PERMATA *SEARCH*

PERMATA *Search* ialah enjin carian bersepadu yang menghimpunkan semua koleksi Perpustakaan UiTM di dalam satu platform, memudahkan pengguna menjejak bahan paling relevan untuk pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan. Carian boleh dibuat menggunakan frasa atau medan khusus yang disediakan, dan hasilnya merentasi keseluruhan koleksi termasuk buku fizikal dan elektronik, akhbar, Repositori Institusi UiTM, bahan arkib UiTM, kertas peperiksaan serta jurnal elektronik.

Enjin carian ini juga dilengkapi dengan elemen kecerdasan buatan (AI) untuk meningkatkan kecekapan pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan dikalangan warga UiTM. Fungsi *Learning Assistant Library AI* yang menggantikan peranan tradisional *chatbot* mampu menjawab soalan pengguna dengan pantas berkaitan bahan yang ingin dirujuk.

Hasil carian merangkumi bahan rujukan seperti :



Sistem Pengurusan Perpustakaan
PERMATA LMS

Di sebalik kejayaan Portal PERMATA sebagai gerbang perpustakaan digital untuk warga UiTM, wujud satu sistem pengurusan dalaman yang mantap, PERMATA LMS yang berperanan sebagai tulang belakang kepada aliran proses kerja utama perpustakaan. Sistem ini direka khusus untuk melancarkan operasi pustakawan melalui pemetaan modul-modul kritikal yang lengkap dan menyeluruh.

Secara keseluruhan, PERMATA LMS merangkumi lima (5) modul utama operasi dan dua (2) portal sokongan, yang membentuk ekosistem operasi yang berskala besar:

01 **Modul Acquisition:** Menyokong keseluruhan rantaian perolehan bahan melalui 12 proses kerja yang dipacu oleh 62 fungsi sistem, dari permohonan hingga penerimaan dan integrasi bahan.

02 **Modul Cataloguing:** Memastikan kualiti dan ketercapaian data bibliografik melalui 9 proses kerja dan 31 fungsi sistem, termasuk kawalan subjek, pengkatalogan mengikut piawaian RDA, serta penyepaduan metadata.

03 **Modul Circulation:** Menguruskan pinjaman, pemulangan, denda dan status pengguna melalui 15 proses kerja yang dijalankan secara sistematik melalui 57 fungsi sistem.

04 **Modul Bindery:** Menangani aspek pemuliharaan bahan fizikal melalui 2 proses kerja dan 8 fungsi sistem, untuk memastikan bahan yang rosak dapat dikenalpasti dan dikembalikan ke rak dalam keadaan baik.

05 **Portal Vendor:** Menyediakan antara muka kolaboratif bersama pembekal melalui 2 proses kerja yang disokong oleh 14 fungsi sistem, menjadikan pengurusan pembekalan lebih telus dan cekap.

06 **Portal Head of Department (HOD):** Menyediakan akses pengesahan dan pemantauan perolehan oleh ketua jabatan menerusi 1 proses kerja yang diuruskan melalui 7 fungsi sistem.

PERMATA LMS bukan sekadar sistem pengurusan perpustakaan, tetapi merupakan nadi digital yang menyatukan manusia, proses dan teknologi dalam mendorong kelancaran operasi perpustakaan, memacu ketelusan data dan menjamin pengalaman pengguna yang konsisten melalui Portal PERMATA. Dengan struktur yang tersusun dan saling berkait, PERMATA LMS menjadi asas kepada penyampaian perkhidmatan perpustakaan yang moden, berskala dan berimpak tinggi.








SCOPUS
17+
Million Author Profiles


UiTM
DIGITAL LIBRARY






سودوة علمو
PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK


"Libraries must evolve not just spaces for monastic silence, but places alive with books, podcasts, e-books, films, and cultural expression."
19th CONSAL General Conference & Meeting in 2025 (CONSAL XIX)
17th June 2025
YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim
Perdana Menteri Malaysia

Penciptaan Pengetahuan

Knowledge Creation

K2 PREMIUM RENCANA UTAMA

Repositori perpustakaan UiTM diiktiraf terbaik Malaysia, No.40 dunia

Oleh ABDUL RAZAK IDRIS 29 Julai 2024, 8:10 am



AZIZI memegang manuskrip lama, manakala petugas PTAR sedang mengimbas manuskrip lama untuk dimasukkan ke dalam Repositori Institusi Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM.

REPOSITORI PERPUSTAKAAN UiTM:
Dari Malaysia ke Pentas Dunia

Ada sebuah kisah kejayaan yang lahir daripada dedikasi tanpa henti, kegigihan warga akademia dan semangat pustakawan yang tidak pernah mengenal lelah. Kisah ini bukan sekadar tentang repositori digital, tetapi tentang bagaimana UiTM menulis naratif baharu dalam peta ilmu dunia.

UiTM *Institutional Repository* (UiTM IR) kini diiktiraf sebagai repositori terbaik di Malaysia dan melonjak ke tangga 40 terbaik dunia. Suatu pencapaian yang bukan sahaja membanggakan UiTM, malah mengangkat martabat negara di pentas antarabangsa.

Dengan lebih 86,000 dokumen ilmiah diindeks dalam Google Scholar, UiTM IR menjadi jambatan emas yang menghubungkan ilmu yang dihasilkan di UiTM kepada masyarakat global. Tesis, laporan penyelidikan, artikel ilmiah, prosiding persidangan dan pelbagai karya ilmiah lain yang semuanya terkumpul sebagai khazanah digital yang sentiasa hidup dan berkembang.

Inilah bukti nyata UiTM sebagai *Vibrant Centre of Learning*. Sebuah pusat pembelajaran yang dinamik, bernafas dengan idea-idea baharu dan sentiasa menjadi rujukan. UiTM IR bukan sekadar tempat menyimpan, tetapi tempat ilmu berkembang, bercambah dan menembusi sempadan geografi.

Pencapaian ini juga memperlihatkan kekuatan kolaborasi. Setiap karya yang dimuat naik, setiap penyelidikan yang dikongsi, adalah hasil tangan dan minda warga UiTM. Mereka adalah para pensyarah, penyelidik, mahasiswa, dan tentunya pustakawan yang merupakan penjaga khazanah ilmu. Bersama-sama, mereka membina sebuah ekosistem ilmu yang bukan sahaja memberi manfaat kepada warga kampus, tetapi juga kepada dunia.

Apa yang menjadikannya luar biasa?

- UiTM IR kini menjadi pintu masuk global kepada ilmu dari Malaysia.
- Ia membuktikan bahawa universiti tempatan mampu berdiri setanding dengan repositori terkemuka dunia.
- Ia menjadikan UiTM bukan sekadar universiti penyelidikan, tetapi juga penyebar ilmu global.

Pencapaian ini harus dilihat sebagai titik tolak kepada masa depan yang lebih gemilang. UiTM menyeru seluruh warganya untuk terus memperkayakan repositori ini dengan hasil penyelidikan, inovasi dan penerbitan baharu. Setiap karya yang dikongsi adalah satu sumbangan kepada ketamadunan ilmu dan satu langkah ke arah kecemerlangan global.

Dari Malaysia untuk dunia. UiTM IR adalah bukti bahawa perpustakaan bukan lagi hanya gedung buku, tetapi *Vibrant Centre of Learning* yang menghubungkan minda, merentas benua dan melakar sejarah.

PENCIPTAAN PENGETAHUAN

Transformasi Pembelajaran Digital dan Fleksibel

Repositori digital yang dibangunkan oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM) bertujuan menyokong penyelidikan, pembelajaran dan pemeliharaan warisan budaya.

Setiap repositori mempunyai fungsi khusus daripada akses terbuka kepada karya ilmiah dan data penyelidikan, hinggalah kepada usaha memelihara khazanah warisan Melayu, manuskrip Jawi dan arkib universiti.



Platform ini menyediakan sumber maklumat bernilai yang mudah dicapai di hujung jari. Kepelbagaian koleksi digital UiTM bukan sahaja memperkukuh kecemerlangan akademik, malah turut memperkayakan perkongsian ilmu merentasi pelbagai disiplin.

Pembangunan Kandungan Digital Berkualiti Tinggi yang relevan, terkini, dan pelbagai disiplin. **1**

Infrastruktur Teknologi Terkini seperti kecerdasan buatan (AI), *adaptive learning* dan analitik pembelajaran bagi menyesuaikan kandungan dengan keperluan individu pengguna. **2**

Penyediaan Platform Fleksibel yang boleh diakses pada bila-bila masa dan di mana sahaja, yang responsif kepada peranti mudah alih dan mesra pengguna. **3**

Latihan dan Sokongan Pengguna Berterusan untuk membantu pelajar dan staf akademik memanfaatkan sepenuhnya platform digital ini. **4**



Memartabatkan Tulisan Jawi Melalui **Pembudayaan Ilmu dan Koleksi Khas Jawi**



Alhamdulillah, tarikh 4 Oktober 2024 menjadi detik bersejarah bagi Perpustakaan Tun Abdul Razak apabila menerima kunjungan dua tokoh istimewa, iaitu Y.A.D. Dato' Setia Profesor Madya Dr. Haji Anhar bin Haji Opir, Mufti Negeri Selangor, dan YBhg. Profesor Datuk Dr. Shahrin bin Sahib, Naib Canselor UiTM. Kehadiran kedua-dua tokoh ini sempena program Bicara Kepimpinan dalam rangkaian Karnival Jawi UiTM 2.0 telah menyerikan rumah ilmu ini dengan wacana yang berimpak besar.

Dalam program tersebut, Naib Canselor UiTM telah menyampaikan syarahan bertajuk “Peranan Institusi Pendidikan Tinggi Terhadap Kelestarian Tulisan Jawi”, manakala Dato’ Mufti Negeri Selangor berkongsi pandangan melalui topik “Pembudayaan Tulisan Jawi dalam Perkembangan Ilmu dan Budaya di Malaysia”. Kedua-dua wacana ini menegaskan betapa pentingnya usaha menyemarakkan serta membudayakan tulisan Jawi secara berterusan agar penggunaannya dapat diperkukuh pada tahap yang lebih tinggi.

Selaras dengan hasrat tersebut, Perpustakaan Tun Abdul Razak telah memulakan inisiatif pembangunan Koleksi Khas Jawi pada tahun 2024, yang kini menghimpunkan sebanyak 850 naskhah hasil sumbangan warga UiTM, alumni dan komuniti. Lebih bermakna, Koleksi Khas Jawi ini telah dirasmikan oleh Dato’ Mufti Negeri Selangor pada hari yang penuh bersejarah itu.

1,040
Koleksi

401
Bahan Fizikal

552
Bahan Digital

86
Bahan Fizikal & Digital





Inisiatif koleksi khas jawi ini telah diilhamkan oleh Naib Canselor UiTM ke-7, Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin bin Sahib@Sahibuddin. Alhamdulillah, inisiatif ini memfokuskan pencarian bahan-bahan Jawi yang dikumpulkan dan dibuat pendigitan. Bahan pendigitan jawi ini di simpan di dalam repositori yang dibangunkan oleh Perpustakaan UiTM dan boleh diakses oleh komuniti bagi tujuan pembelajaran dan penyelidikan.















Kerjasama PTAR dengan Pengurusan Pusat Pengajian Pondok dan Muzium Manuskrip Al-Quran Melayu Raya

Narathiwat, Thailand

Lawatan wakil Perpustakaan UiTM bersama ahli Special Interest Group (SIG) Akademi Pengajian Bahasa (APB), UiTM Shah Alam ke Muzium Manuskrip Al-Quran Melayu Raya serta pertemuan dengan pengurusan Pusat Pengajian Pondok di Kelantan telah membuka ruang kolaborasi berharga dalam usaha memelihara dan menghidupkan kembali warisan manuskrip Melayu serantau.



Antara pengisian utama lawatan ini termasuk sesi taklimat, perkongsian teknik konservasi manuskrip, serta demonstrasi pendigitalan beberapa manuskrip terpilih. Hasil daripada inisiatif tersebut, sebahagian manuskrip telah dimuat naik ke Repositori Persuratan Jawi UiTM sebagai projek rintis digitalisasi warisan.



Lawatan ini sekali gus menyerlahkan peranan penting pustakawan UiTM sebagai peneroka, pemelihara dan penghubung warisan ilmu Jawi. Semoga inisiatif ini menjadi asas kepada lebih banyak jalinan kerjasama serantau dalam mendokumentasi serta melestarikan khazanah persuratan Melayu-Islam untuk tatapan dunia.



Repositori Perpustakaan
Tun Abdul Razak

Repositori merupakan sebuah platform yang menghimpunkan pelbagai sumber bahan rujukan bagi tujuan pembelajaran dan penyelidikan. Perpustakaan UiTM menyediakan tiga belas repositori koleksi bahan digital yang boleh diakses oleh seluruh warga universiti dan komuniti.

01 Repositori Canselor UiTM



Repositori Canselor UiTM diwujudkan khusus untuk mendokumentasikan segala maklumat, rekod, dan sejarah berkaitan para Canselor universiti sejak penubuhannya. Ia merangkumi biodata, peranan, sumbangan, ucapan rasmi, anugerah, dan pencapaian signifikan yang menjadi sebahagian daripada perjalanan kepimpinan tertinggi universiti.

Menurut Seksyen 19A(2) Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173), Canselor Universiti Teknologi MARA ialah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Peranan ini membawa tanggungjawab yang tinggi sebagai simbol keluhuran, pemelihara tradisi dan penaung utama kepada universiti.

http://uitmprepo.uitm.edu.my/canselor_uitm

Imbas Kod QR

02 Repositori Institusi UiTM



Mengumpul, memelihara serta menyebarkan hasil karya ilmiah warga Universiti Teknologi MARA, merangkumi artikel jurnal, bab buku, buku, kertas persidangan, tesis, kertas kerja, laporan teknikal, data, dan pelbagai penerbitan penyelidikan lain.

https://ir.uitm.edu.my

10,431,803
Muat Turun

Imbas Kod QR



03 *Open Access Discovery*

Open Access Discovery menghimpunkan karya ilmiah penulis dari seluruh dunia dalam format digital yang boleh diakses secara dalam talian, percuma serta bebas daripada sekatan hak cipta dan perlesenan.

https://openaccess.library.uitm.edu.my

Imbas Kod QR

04 Repositori
Khazanah Melayu

Repositori ini berfungsi sebagai pusat pengumpulan warisan Melayu yang diperoleh melalui penulisan, penyelidikan, penerbitan, dokumentari, serta pelbagai bentuk media bercetak. Koleksi ini turut merangkumi penerbitan daripada agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), dan individu, sama ada dari dalam mahupun luar negara.

https://melayu.library.uitm.edu.my

Imbas Kod QR





05 Repositori
Persuratan Jawi

Repositori Persuratan Jawi UiTM merupakan inisiatif pendigitalan kitab dan buku bertulisan Jawi yang bertujuan mengumpul, memelihara serta mempromosikan manuskrip dan karya bercetak dalam tulisan Jawi, di samping menyokong penyelidikan ilmiah berkaitan warisan persuratan Jawi.

https://mykm.uitm.edu.my/jawi

Imbas Kod QR

06 *Local Content Hub*



Sumber di *Local Content Hub* memberi tumpuan kepada pembangunan bahan berkaitan Malaysia yang dihimpunkan daripada pelbagai organisasi termasuk agensi kerajaan, badan berkanun dan sektor swasta. Bahan-bahan ini dikategorikan mengikut fakulti berdasarkan subjek serta kata kunci yang ditetapkan.

https://localcontent.library.uitm.edu.my

Imbas Kod QR



07 Repositori Surat Khabar@UiTM

Repositori digital yang menghimpunkan artikel surat khabar berkaitan UiTM, berperanan sebagai arkib institusi yang mendokumentasikan sejarah, pencapaian, dan sumbangan universiti. Ia menjadi sumber rujukan penting untuk pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, serta cerminan perjalanan UiTM dalam pandangan masyarakat.

https://article.library.uitm.edu.my

Imbas Kod QR

08 Repositori
Minda NC



Repositori Minda NC UiTM memelihara aspirasi, kepimpinan, pencapaian, anugerah, dan pengiktirafan Naib Canselor UiTM. Repositori ini juga mendokumentasikan nilai sejarah pembangunan dan kecemerlangan UiTM untuk rujukan generasi akan datang.

https://mindanc.uitm.edu.my

Imbas Kod QR



09 Repositori
Data Penyelidikan

Repositori Data Penyelidikan UiTM berfungsi sebagai platform berpusat khusus untuk penyimpanan, pengurusan, dan penyebaran data penyelidikan yang dihasilkan oleh fakulti, staf dan pelajar merentasi pelbagai disiplin.

https://data.uitm.edu.my

Imbas Kod QR

10 **Memori Korporat** Foto Universiti



Repositori Memori Korporat Foto Universiti bertujuan mengumpul, memelihara, dan mempamerkan kandungan digital dalam bentuk fotografi. Repositori ini berfungsi sebagai arkib foto bagi memastikan warisan visual universiti didokumentasikan dan dapat diakses untuk rujukan serta penyelidikan pada masa hadapan.

https://media.library.uitm.edu.my

Imbas Kod QR



11 Koleksi **Peta**

Repositori Koleksi Peta menghimpunkan pelbagai jenis peta, termasuk Peta Topografi, Peta Tematik dan Peta Dunia, yang merangkumi bahan terhad dan tidak terhad. Melalui repositori ini, pengguna boleh membuat carian peta berdasarkan lokasi, tahun, serta jenis peta yang dikehendaki.

https://digitalmap.library.uitm.edu.my

Imbas Kod QR

12 Memori UiTM

Memori UiTM bertujuan untuk mendokumentasikan serta memelihara warisan sejarah, perkembangan, dan pencapaian universiti sejak penubuhannya sebagai Dewan Latihan RIDA dan Institut Teknologi MARA (ITM) sehinggalah menjadi UiTM pada hari ini.

https://library.uitm.edu.my/uitmmemory

Imbas Kod QR





13 Repositori Dokumen Universiti

Repositori Dokumen Universiti ialah sebuah platform digital yang dibangunkan khusus untuk menyimpan, mengurus, dan menyebarkan dokumen penting universiti seperti dasar, polisi, prosedur dan garis panduan. Platform ini berperanan sebagai pusat rujukan tunggal (single point of reference) yang dapat memperkukuh ketelusan, meningkatkan akauntabiliti serta mempertingkat keberkesanan pengurusan organisasi.

http://permata.uitm.edu.my

Imbas Kod QR












Nama Pena : Kris Miss
Tahun Anugerah : 1981
Shahnon Ahmad
Tahun Anugerah : 1982


"Librarians have a major task not only to disseminate knowledge found in books but to ensure libraries become vibrant centres of learning."
19th CONSAL General Conference & Meeting in 2025 (CONSAL XIX)
17th June 2025
YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim
Perdana Menteri Malaysia

Perkhidmatan Dinamik dan Inklusif

Vibrant Centre of Learning

Pemerkasaan Perkhidmatan Warga OKU

Perpustakaan UiTM sentiasa menzahirkan komitmen dalam memastikan akses kepada ilmu dan maklumat yang inklusif serta mesra pengguna, termasuk bagi golongan Orang Kurang Upaya (OKU). Usaha ini dizahirkan melalui inisiatif Kempen Menyalin Bahan Bacaan: Projek Braillethon – Helaian Ilmu Membawa Cahaya, yang digerakkan bersama antara Bahagian Perkhidmatan dan Pembangunan OKU UiTM dengan Perpustakaan Tun Abdul Razak.

Peningkatan Prasarana Mesra OKU

Direalisasikan melalui penyediaan tandas mesra OKU, seiring dengan komitmen mewujudkan persekitaran fizikal yang lebih inklusif.

Koleksi Bahan Bacaan Format Khas

Pembangunan koleksi buku Braille memberi peluang kepada pelajar kurang upaya penglihatan untuk menikmati sumber bacaan ilmiah dengan lebih mudah, sekali gus memperkasa akses ilmu secara inklusif.

Teknologi Mesra OKU

Penyediaan *text reader* dan peralatan digital khas ini dicipta khusus untuk membantu pengguna kurang upaya penglihatan mengakses kandungan maklumat dengan lebih mudah dan lancar.



UiTM perkasa siswa OKU

UNIVERSITI Teknologi Mara (UiTM) merupakan pusat pengajian tinggi terbesar di negara ini. Universiti tersebut terdiri daripada satu kampus utama, 12 kampus negeri berautonomi dan 21 kampus satelit yang menjadikannya 34 kampus keseluruhan di Malaysia.

Sebagai sebuah pusat pengajian tinggi, UiTM sentiasa komited untuk menyediakan kemudahan atau prasarana pendidikan yang terbaik untuk kesemua pelajar, termasuk kalangan orang kurang upaya (OKU).

Dalam aspek kemudahan OKU, seluruh 40 lokasi perpustakaan dalam sistem UiTM seluruh negara menyediakan prasarana bagi memudahkan mobiliti golongan tersebut.

Terdapat sembilan jenis kemudahan OKU di seluruh perpustakaan UiTM meliputi Sistem e-VIEW, lif OKU, Sistem Keselamatan Keluar-Masuk Perpustakaan dan pemegang lalauan OKU, Sentuhan Amaran Bahaya di tangga, Lalauan Sentuhan, Lalauan Berkenusi Roda, tandas OKU dan tempat letak kereta OKU.

Namun, dalam era digital dan letusan teknologi kecerdasan buatan (AI), penggunaan komputer boleh dikatakan paling menjadi suatu keperluan asas dalam kehidupan seharian pelajar termasuk pelajar OKU.

> Penggunaan komputer dewasa ini begitu signifikan untuk kelancaran proses pembelajaran pelajar dalam menyiapkan tugasan yang diberikan para pensyarah."

Penggunaan komputer dewasa ini begitu signifikan untuk kelancaran proses pembelajaran pelajar dalam menyiapkan tugasan yang diberikan para pensyarah.

Bagi pelajar OKU, teknologi komputer tidak hanya sekadar alat bantu, tetapi juga satu medium yang memperluas peluang dan meningkatkan aksesibiliti dalam menuntut ilmu.

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Shah Alam, Selangor, mengakui kepentingan menawarkan peluang yang sama kepada semua pengguna untuk mengakses maklumat dan pengetahuan.

Menurut Ketua Pustakawan UiTM, Ts. Azizi Jantan, untuk mencapai matlamat ini, PTAR telah melaksanakan langkah-langkah bagi memastikan pihaknya kekal inklusif dan komited menampung keperluan individu kurang upaya antaranya pemasangan Sistem e-VIEW pada komputer.

"Sembilan kemudahan untuk OKU adalah bukti komitmen pihak UiTM untuk memperkasa pendidikan golongan tersebut. Dengan memahami keperluan khas OKU, kemudahan komputer yang lebih mesra membantu meningkatkan kualiti hidup mereka sebagai seorang pelajar.

"Kami mempunyai koleksi buku tulisan Braille untuk OKU cacat penglihatan dan Sistem e-VIEW untuk cacat separuh penglihatan," katanya kepada K-Kampus.



dengan persian 'Duxbury Braille Translator (DBT)," katanya.

Azizi berkata, Projek Braillethon yang telah dilaksanakan hasil kerjasama U-Observe, PTAR UiTM, Majlis Perwakilan Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan KL Braille Resources menghasilkan bahan ilmiah dalam bentuk paparan tulisan braille.

Azizi berkata, projek tersebut melibatkan 200 peserta yang mana 24 kakitangan perpustakaan terlibat sebagai penyemak naskhah bercetak kepada digital.

"Usaha dinamakan Projek Braillethon 2024 dengan tema 'Helaian Ilmu Membawa Cahaya' ini telah dilaksanakan selama dua hari di Dewan Agong Tuanku Canselor (DATC), UiTM Shah Alam pada Jun tahun lalu.

"Projek tersebut adalah inisiatif UiTM untuk memperkasa OKU melalui Projek Braillethon yang telah menghasilkan 250 buku braille untuk PTAR dan seterusnya bakal menjadikan PTAR UiTM antara gedung khazanah ilmu berformat braille yang terbanyak di Malaysia," katanya.

Majlis tersebutan Hari OKU UiTM 2024 pada hujung tahun lalu turut menyaksikan penyerahan simbolik 250 buku braille tersebut kepada PTAR UiTM. Projek Braillethon ini telah mendapat pengiktirafan Malaysia Book of Records sebagai Most Digitized Books in a Programme.

Simbolik penyerahan buku berformat braille di majlis ini mendapat perhatian Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Dr. Zulkifli Hasan yang menyempurnakan perasmian sambutan Hari OKU UiTM ke.

Sementara itu, seorang pelajar OKU cacat separuh penglihatan daripada Akademi Pengajian Bahasa, Nurul Nasrah Husna Mohd. Nasir berkata, penggunaan Sistem e-VIEW memberi manfaat yang besar kepada penggunanya seperti.

Menurutnya, paparan skrin yang boleh diperbesar yang membentuk pertuturan perkataan memudahkan dirinya membaca bahan ilmiah yang dikongsinya.

KOLEKSI bahan bacaan ilmiah tulisan braille yang berjaya dihasilkan daripada Projek Braillethon.

MEREKA yang cacat penglihatan sepenuhnya boleh memanfaatkan buku-buku braille untuk mendapatkan pengetahuan.

> Untuk Sistem e-VIEW kita berharap lebih ramai pelajar dalam kalangan OKU yang mengalami rabun teruk atau cacat separuh penglihatan memanfaatkan kemudahan yang kita sediakan di sini."

"Secara keseluruhan Sistem e-VIEW memberi manfaat kepada OKU separuh penglihatan seperti saya untuk membuat rujukan bahan yang ada dalam PTAR ini.

"Sebagai OKU penglihatan pihak UiTM bukan sahaja memberi kemudahan pembelajaran terbaik untuk saya di kelas, malah dengan adanya Sistem e-VIEW rujukan untuk bahan ilmiah di PTAR lebih dipermudahkan," katanya.

NURUL NASRIAH HUSNA membuat rujukan dengan menggunakan kanta pembesar berlampu untuk memudahkannya membaca bahan bacaan.

MEJA pintar itu dilengkapi dengan pelbagai kemudahan yang memudahkan OKU antaranya kanta pembesar berlampu dan kamera.


Kempen Menyalin Bahan Bacaan
PROJEK
BRAILLETHON
Helaian Ilmu
Membawa Cahaya
9-10
JUN
2024
MASA
9.00 pagi hingga 5.00 petang
Dewan Agung Tuanku Canselor, Jalan Sarjana 1/2, 43045 Shah Alam, Selangor
Keperluan
Komputer Riba Sendiri
Perisian Microsoft Words
Pertanyaan lanjut sila
whatsapp 03-5543 5063/5065




PROJEK
BRAILLETHON




DISABILITIES
STUDY ROOM

Merekayasa Literasi Maklumat
Enlightening Research and Learning



Dalam merealisasikan aspirasi *Vibrant Centre of Learning*, Perpustakaan UiTM sentiasa mengorak langkah menyediakan perkhidmatan yang lebih peribadi, mesra pengguna serta berfokus kepada keperluan individu. Antara inisiatif utama yang mencerminkan pendekatan ini ialah Literasi Maklumat, PhD Clinic UiTM Library dan Teaching Library, iaitu platform sokongan pembelajaran dan penyelidikan yang dirangka khusus untuk membantu penyelidik, pelajar dan ahli akademik menempuh perjalanan penulisan ilmiah dengan lebih terarah dan berkesan.



Bidang kepakaran yang diterokai merangkumi pelbagai disiplin ilmu, antaranya:

- *Engineering and Technology Studies*
- *Health and Medicine Studies*
- *Business Management and Economics Studies*
- *Social Science and Humanities*
- *Regional and Religious Studies*
- *Multidisciplinary Studies*





Modul Literasi

MODUL
ASAS

- *Information Literacy (Sem 1 Undergraduate)*
- *Online Database: Explore on Searching Techniques*

MODUL
PERTENGAHAN

- *Mendeley: Effective Citation Management*
- *Endnote: Effective Citation Management*
- *Easy Write with Microsoft Word*

MODUL
LANJUTAN

- *Scopus AI : Mastering Literature Search*
- *Web of Science (WOS) : Mastering Literature Search*
- *Publication Ethics & Publishing Tools*
- *Bibliometrics for Strategic Publishing and Research* NEW



Mohon Sekarang

https://permata.uitm.edu.my

SCAN ME

Data Bibliometrik Bersepadu

Dalam dunia akademik masa kini, data bibliometrik menjadi indikator penting bagi mengukur prestasi penerbitan, impak penyelidikan dan keterlihatan sesebuah institusi. Menyedari kepentingan ini, Perpustakaan UiTM melalui Bahagian Perkhidmatan Perpustakaan (BPPN) telah melaksanakan inisiatif strategik bagi membangunkan Penerbitan Data Bibliometrik Bersepadu, selaras dengan aspirasi universiti untuk meningkatkan kecemerlangan penyelidikan bertaraf global.

01 **Pembangunan *Dashboard*** bibliometrik yang akan mengintegrasikan data dari pangkalan data utama seperti Scopus dan Web of Science.

02 **Pemprofilan Pengguna** dengan memanfaatkan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) untuk memproses, menganalisis dan menyusun data berdasarkan profil penyelidik, bidang kepakaran, dan prestasi penerbitan.

03 **Pengemaskinian Data Secara Berkala** merangkumi analisis prestasi penerbitan, potensi kolaborasi antarabangsa, serta cadangan jurnal berimpak tinggi untuk penerbitan artikel.

04 **Latihan dan Sesi Konsultansi Khas** yang dijalankan secara *virtual learning* dan fizikal, bagi meningkatkan literasi pustakawan dalam mengurus dan menganalisis data bibliometrik.

Hasil inisiatif ini telah memberikan impak signifikan dalam memperkukuh ekosistem penyelidikan UiTM. Dengan kadar pencapaian 53%, ia menjadi asas penting dalam membina budaya penyelidikan yang berteraskan data *(data-driven research culture)*, seterusnya meningkatkan kedudukan UiTM dalam landskap penerbitan global.

Melalui usaha ini, Perpustakaan UiTM bukan sekadar bertindak sebagai penyedia maklumat, tetapi juga sebagai rakan strategik penyelidikan, memperkasa warga akademia dengan data berimpak tinggi untuk melonjakkan kecemerlangan universiti di pentas antarabangsa.






"**Pustakawan** yang bersemangat akan membantu membina perpustakaan sebagai **pusat ilmu yang hidup**, bukan sekadar tempat menyimpan buku."
19th CONSAL General Conference & Meeting in 2025 (CONSAL XIX)
17th June 2025
YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim
Perdana Menteri Malaysia

Kecemerlangan Bakat

Talent Excellence

KECEMERLANGAN KEPIMPINAN
PERPUSTAKAAN UiTM

Kecemerlangan kepimpinan di Perpustakaan UiTM terserlah melalui keupayaan membina jaringan kolaborasi strategik yang memberi nilai tambah bukan sahaja kepada universiti, malah juga kepada komuniti akademik di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Kunjungan hormat dan pemeteraian *Memorandum of Collaboration* (MoC) bersama Universitas Pendidikan Indonesia (UPI) memperlihatkan komitmen kepimpinan UiTM dalam memperluas kerjasama rentas sempadan. Kolaborasi ini bukan sekadar mengukuhkan hubungan dua hala, tetapi juga membuka peluang baharu dalam bidang penyelidikan, pembangunan ilmu, dan perkongsian kepakaran antara kedua-dua institusi.

Di peringkat kebangsaan, keterlibatan aktif dalam inisiatif *Open Theses Platform for Higher Education* menggariskan peranan UiTM sebagai peneraju transformasi akses terbuka di Malaysia. Melalui projek ini, hasil penyelidikan pascasiswazah dapat dikongsi secara lebih meluas, meningkatkan keterlihatan penyelidikan universiti serta menyumbang kepada ekosistem ilmu negara.

Kepimpinan UiTM turut menyerlah melalui penerimaan kunjungan dan kerjasama dengan pelbagai agensi termasuk kunjungan lawatan serta pertemuan bersama institusi antarabangsa. Lawatan ini bukan sahaja menjadi wadah perkongsian amalan terbaik, malah memperkukuh jaringan perpustakaan akademik serantau.

Selain itu, Perpustakaan UiTM juga menekankan aspek pembangunan bakat warga perpustakaan melalui aktiviti ilmiah dan sesi perbincangan bersama delegasi luar. Pertemuan sebegini memberi ruang kepada pustakawan UiTM untuk memperkaya kepakaran, memperluas perspektif, dan mengukuhkan peranan mereka sebagai penghubung ilmu di peringkat global.

Keseluruhannya, kecemerlangan kepimpinan PUiTM yang diterajui oleh Ketua Pustakawan jelas membuktikan bahawa perpustakaan bukan sekadar pusat ilmu, tetapi platform diplomasi akademik yang mampu menjalin kerjasama strategik, menyokong kelestarian ilmu, serta memperkukuh kedudukan UiTM sebagai universiti unggul bertaraf dunia.









PELAN PEMBANGUNAN BAKAT
PERPUSTAKAAN UiTM

Model Pembangunan Bakat PUiTM adalah satu pendekatan yang dirangka untuk membentuk staf berprestasi tinggi melalui pembangunan kompetensi yang selaras dengan Kerangka Kompetensi UiTM dan Model Kompetensi UiTM. Ia memberi tumpuan kepada pemerkasaan staf melalui empat kategori utama kompetensi, iaitu teras, generik, fungsional, dan kepimpinan, dengan penekanan terhadap nilai teras UiTM seperti ilmu, disiplin, amanah, rajin, dan tanggungjawab.

Pendekatan ini juga sejajar dengan prinsip Malaysia MADANI, yang menekankan keupayaan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan, dan ihsan dalam pembangunan sumber manusia yang holistik. Dengan mengintegrasikan nilai MADANI, Model Pembangunan Bakat PUiTM memastikan staf bukan sahaja memiliki kemahiran teknikal dan kepimpinan, tetapi juga beretika, inovatif, dan bersedia menghadapi cabaran global dalam sektor pendidikan dan pengurusan maklumat.

Model ini menyokong pembangunan staf yang cemerlang dan berdaya saing melalui pelbagai program seperti pelan pembangunan bakat, pembelajaran sepanjang hayat, latihan sangkut, dan pemindahan ilmu. Dengan ini, PUiTM dapat melahirkan pakar rujuk bidang (SME – *Subject Matter Expert*) yang mampu menyumbang secara strategik kepada organisasi serta menyokong aspirasi negara ke arah kemajuan yang mampan dan inklusif.



Model Pelan Pembangunan Bakat Perpustakaan UiTM

HALA TUJU PEMBANGUNAN BAKAT
PERPUSTAKAAN UiTM

Perpustakaan UiTM merangka suatu visi yang jelas dalam usaha memperkasa pembangunan bakat, seiring dengan aspirasi universiti untuk kekal dinamik, bersedia menghadapi cabaran masa depan serta memberi impak yang bermakna kepada warga universiti dan komuniti. Pelan ini mencerminkan kesungguhan dan iltizam untuk melahirkan tenaga kerja yang bukan sahaja kompeten dan berkemahiran tinggi, malah mempunyai pandangan jauh serta mampu menjadi peneraju kepada pembaharuan dalam bidang perkhidmatan perpustakaan dan maklumat.

Dalam hala tuju kecemerlangan bakat, Perpustakaan UiTM memberi tumpuan kepada pelbagai bidang baharu yang mencerminkan perubahan landskap ilmu, penyelidikan dan teknologi maklumat. Tumpuan tersebut merangkumi usaha meningkatkan keupayaan warga perpustakaan dalam penguasaan teknologi digital, literasi maklumat, pengurusan data penyelidikan, penghasilan penulisan dan penerbitan ilmiah, serta kemampuan menilai dan memanfaatkan bidang-bidang baharu yang diperlukan. Semua inisiatif ini dijayakan dengan hasrat untuk melahirkan pasukan kerja yang berprestasi tinggi, yang mampu menyokong kecemerlangan akademik, memperkukuh kemajuan penyelidikan dan memantapkan budaya pembelajaran sepanjang hayat.




"Libraries must evolve not just spaces for monastic silence, but places alive with books, podcasts, e-books, films, and cultural expression."
19th CONSAL General Conference & Meeting in 2025 (CONSAL XIX)
17th June 2025
YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim
Perdana Menteri Malaysia

Jalinan Komuniti

Community Engagement

Jalinan bersama **Agensi**

Sumbangan Kepakaran Terhadap Projek Pembangunan Repositori "MIMA Digital Collection Malaysia"

Majlis penyerahan rasmi Projek Pembangunan Repositori "MIMA Digital Collection" telah berlangsung dengan jayanya di pejabat Maritime Institute of Malaysia (MIMA).



Majlis turut menyaksikan penyampaian sijil penghargaan dan cenderamata oleh YBhg. Dato' Mohamed Suffian Awang, Pengerusi MIMA kepada Ts. Hj. Azizi Jantan, Ketua Pustakawan UiTM, sebagai tanda penghargaan atas kepakaran dan kerjasama erat dalam pembangunan repositori digital ini. YBhg. Dato' Mohamed Suffian turut meluahkan rasa bangga dan terima kasih atas sumbangan besar UiTM dalam menjayakan pembangunan sistem ini yang bermula sejak 6 Mei 2024. Repositori ini bakal menjadi platform penting dalam rujukan dan pemeliharaan koleksi maritim negara.







Jalinan bersama **Agensi**

Perkongsian ilmu kepakaran pendigitalan dan pemeliharaan bahan warisan negara kepada Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya telah menyatakan hasrat untuk mendapatkan khidmat nasihat, rujukan dan perkongsian ilmu serta kepakaran berkaitan pengurusan perpustakaan terutamanya dalam usaha pendigitalan bagi memelihara dan memulihara bahan-bahan untuk rujukan masa akan datang.





13 Ogos 2024

Perkongsian ilmu oleh Perpustakaan Tun Abdul Razak untuk bina kepakaran profesion Pustakawan dalam Bengkel Penyediaan Garis Panduan Pusat Sumber Maktab MARA (MRSM) Se Malaysia bertempat di di Grand Barakah Hotel, Kuala Lumpur.

Seramai 52 orang guru media telah terlibat di dalam sesi ***Foresight Session: Scenario Planning and Future Library*** sempena Bengkel Penyediaan Garis Panduan Pusat Sumber Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Se-Malaysia. Kepakaran Pustakawan berupaya membantu dalam usaha inisiatif pembudayaan ilmu, pendigitalan sumber maklumat dan literasi maklumat terutama dalam bidang pendidikan negara.

Jalinan bersama **Sekolah**

Pembangunan Sistem CERDAS: SK Sungai Binjai, Meru, Klang Selangor

Satu lagi kejayaan bermakna buat PTAR telah direalisasikan melalui jalinan kolaborasi bersama Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Binjai, Meru, Klang dalam pembangunan Sistem CERDAS. Sejak Mac 2024, siri perbincangan dan pertemuan telah diadakan bagi menyediakan platform yang dapat memudahkan pelaksanaan aktiviti membaca dalam kalangan warga sekolah.



Berbekalkan kepakaran staf PTAR, lahirlah Sistem CERDAS: *Capaian Pantas, Perekodan Mudah dan Analisa Bahan Sepunya* yang kini dimanfaatkan sepenuhnya oleh warga sekolah.









12 April 2025

Seramai 355 pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seksyen 7 menyertai Kursus Kepimpinan AJK Tertinggi Kokurikulum di Perpustakaaan Tun Abdul Razak, Universiti Teknologi MARA.



12 Jun 2025

Program 'Speed Reading' Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Shah Alam bertempat di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Jasin dengan kerjasama Persatuan Keluarga Polis (PERKEP) Jasin.



3 Jun 2025

Institut Integriti Malaysia (IIM) dengan kerjasama Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Shah Alam telah mengadakan program Speed Reading bertempat di Dewan Murni, Institut Integriti Malaysia (IIM).



23 November 2024

Seramai 334 guru dan murid Sekolah Kebangsaan Lembah Subang sertai Literasi Maklumat Komuniti di Perpustakaaan Tun Abdul Razak, Universiti Teknologi MARA.



6 - 8 September 2024

Majlis Makan Malam meraikan para pelajar bersama YB Dato' Shahrul Zaman Datuk Yahya, Adun Rungkup, Dato' Nurulhidayah Ahmad Zahid mewakili Yang Amat Berhormat Dato' Seri DiRaja Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Tuan Ts Haji Azizi Bin Haji Jantan, Ketua Pustakawan UiTM dan Saudara Muhammad Nabil Salleh, Timbalan Pengerusi Kelab Silaturahim Bagan Datuk.



13 Ogos 2024

Perkongsian ilmu oleh Perpustakaan Tun Abdul Razak untuk bina kepakaran profesion Pustakawan dalam Bengkel Penyediaan Garis Panduan Pusat Sumber Maktab MARA (MRSM) Se Malaysia bertempat di di Grand Barakah Hotel, Kuala Lumpur.



14 Ogos 2024

Instruktur Perpustakaan Tun Abdul Razak perluas kepakaran Speed Reading untuk petugas Hospital Kuala Lumpur bertempat di bilik seminar 2 IUN,Institut Urologi dan Nefrologi (IUN), Hospital Kuala Lumpur.



12 Mei 2024

Program Speed Reading anjuran Pusat Penyelidikan dan Konsultasi, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) telah dilaksanakan oleh instruktor dan fasilitator dari Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Shah Alam bertempat di Bilik Kuliah Seri Kemboja 3, INTAN Bukit Kiara.

Arkib Universiti

University Archives

PENGURUSAN REKOD DAN ARKIB
Universiti Teknologi MARA

Bahagian Arkib Universiti ditubuhkan pada tahun 1982 di bawah Bahagian Pentadbiran, Pejabat Pendaftar. Pada 1 Jun 2015, Bahagian Arkib Dan Muzium (BAM) diserahkan pengurusannya kepada Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR). Sehingga kini PTAR telah membangunkan sistem arkib yang dikenali Archive Management System.



Ruang Pentadbiran



Ruang Pemindahan & Saringan Rekod



Ruang Penyimpanan Rekod (18–22°C, RH 45–55%)



Ruang Konservasi

Ruang Pendigitan



Ruang Perkhidmatan & Penyelidikan



Ruang Pameran



Ruang Sokongan



INISIATIF KESEDARAN PENGURUSAN REKOD DAN ARKIB

Universiti Teknologi MARA

Kursus Pengurusan Rekod dan Fail adalah latihan yang memberi pengetahuan dan kemahiran kepada peserta dalam mengurus, menyimpan, dan menyelenggara rekod dan fail secara sistematik dan efisien mengikut peraturan serta garis panduan yang ditetapkan, terutama dalam sektor awam atau organisasi.

Bahagian Arkib Universiti (BARU), Perpustakaan Tun Abdul Razak, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam secara aktif menganjurkan dan dijemput mengadakan kursus dan bengkel berkaitan pengurusan rekod dan fail dari dalam dan luar UiTM. Diantara objektif kursus dan bengkel adalah:

a) Memberi pendedahan kepada kaedah pengurusan rekod awam hingga pelupusan rekod termasuk rekod terperingkat.
b) Meningkatkan pemahaman mengenai pengurusan rekod universiti secara efektif.
c) Memberi kefahaman mengenai konsep dan perundangan pengurusan rekod mengikut Arkib Negara Malaysia



Bengkel Pembangunan Klasifikasi Fail Staf UiTM Cawangan Pahang
15 Februari 2024 (Khamis)



Tadbir Urus Pengurusan Dokumen & Rekod Anjuran Kolej Pengajian Kejuruteraan
26 Februari 2024 (Isnin)



Kursus Pengurusan Sistem Rekod Yang Efektif Anjuran Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK)
6 & 7 Mac 2024 (Rabu & Khamis)



Malaysian Academy of SME & Entrepreneurship Development (MASMED)
12 Julai 2024 (Jumaat)



Kursus Pengurusan Rekod & Dokumen Terperingkat
20 & 21 Februari 2024
(Selasa & Rabu)



Kursus Pengurusan Fail dan Rekod anjuran bersama Perpustakaan Tun Dr. Ismail & Bahagian Pentadbiran, UiTM Johor
28 Februari 2024 (Rabu)



Webinar Pengurusan Rekod Universiti Efektif dengan Kerjasama ILD UiTM
23 April 2024 (Selasa)



Kursus Pengurusan Rekod Perpustakaan Negara Malaysia
10-11 Julai 2024 (Rabu-Khamis)



Bengkel Pembangunan Klasifikasi Fail UiTM Pulau Pinang, Perlis dan Kedah
3-4 September 2024
(Selasa-Rabu)



Kursus Pengurusan Rekod & Dokumen Terperingkat
19-20 September 2024
(Khamis & Jumaat)



Bengkel KF UiTM Kelantan
26 - 27 November 2024
(Selasa-Rabu)

PENYERAHAN FAIL PERIBADI KEPADA LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI
Universiti Teknologi MARA

Majlis penyerahan fail peribadi kepada Lembaga Pengarah Universiti bertujuan mendokumentasikan sejarah dan pencapaian individu dalam perkembangan UiTM. Tan Sri Dato' Sri Haji Mohd Khamil Jamil menekankan kepentingan rekod sebagai warisan perjuangan dan harapan universiti. Inisiatif ini memastikan sumbangan terdahulu terus dihargai dan menjadi rujukan bagi generasi akan datang.





> **Dalam setiap helaian rekod ini, ada kisah perjuangan, pencapaian, dan harapan yang tidak boleh dilupakan.**
> Tan Sri Dato' Sri Haji Mohd Khamil Jamil,
> Pengerusi Lembaga Pengarah
> Universiti Teknologi MARA



PELAKSANAAN
Audit Pengurusan Rekod dan Inspektorat

AUDIT PENGURUSAN REKOD



Institut Analitik Data Raya & Kepintaran Buatan (IBDAAI)
6 Mei 2024
01



Institut Pendidikan Berterusan & Pengajian Profesional (ICEPS)
10 Mei 2024
03



Institut Pengajian Siswazah (IPSIS)
15 Mei 2024
05



Institute for Biodiversity & Sustainable Development (IBSD)
20 Mei 2024
07



Institut Penyelidikan Solar UiTM (SRI)
20 Mei 2024
09



Institut Kejuruteraan Infrastruktur & Pengurusan Mampan (IIESM)
7 Mei 2024
02



Institut Pengangkutan Malaysia (MITRANS
13 Mei 2024
04



Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK)
15 Mei 2024
06



Institute of Business Excellence (IBE)
20 Mei 2024
08



Institut Sains (IOS)
23 Mei 2024
10

AUDIT INSPEKTORAT



Institut Analitik Data Raya & Kepintaran Buatan (IBDAAI)
23 September 2024
01



Institut Pengajian Siswazah (IPSIS)
30 September 2024 (Isnin)
02



Solar Research Institute (SRI)
25 September 2024 (Rabu)
03



Sistem Audit Pengurusan Rekod (ARMS) dibangunkan dengan kerjasama Bahagian Perpustakaan Digital (BDPI), PTAR bagi memudahkan penyediaan laporan audit, analisa audit dan tindakan pembetulan serta maklumbalas oleh auditee dapat disediakan dalam tempoh 7 hari bekerja.

PENGURUSAN

Rekod Elektronik - Digital Document Management System (DDMS) 2.0

Perpustakaan Tun Abdul Razak telah melaksanakan tranformasi pengurusan rekod di UiTM Shah Alam dengan memperkenalkan penggunaan klasifikasi fail yang baharu bagi menggantikan klasifikasi fail yang sedia ada yang telah digunakan sejak 2005.

Seiring perubahan itu, Majlis Eksekutif Universiti (MEU) juga menguatkuasakan penggunaan Digital Document Management System (DDMS) 2.0 di seluruh UiTM. PTAR merupakan PTj rintis bagi projek ini dan telah menggunakan DDMS pada 20 November 2024.

Latihan secara berterusan telah dilaksanakan oleh Jabatan Digital Negara dan disambung oleh kepakaran dalaman PTAR yang dilantik untuk memastikan transformasi pengurusan rekod ini berjalan lancar di seluruh sistem UiTM

Kelulusan Majlis Eksekutif Universiti Bil.26/2024 bertarikh 20 November 2024



SENARAI TRANSAKSI

IMPAK PELAKSANAAN



199 Transaksi sahaja milik Pewujud Fail Jabatan Perpustakaan UiTM.

349 transaksi perlu berkongsi dengan PTj lain

2,699 baki transaksi milik PTj lain.







ARKIB UiTM MENJADI TUMPUAN RUJUKAN

Amalan terbaik dari pelbagai agensi

01



8 Februari 2023

INCEIF University Knowledge Management Centre (KMC)

02



20 Mac 2023

Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

03



21 Mac 2023

Yayasan Permata Ummah

04



12 Julai 2023

Universiti Teknologi PETRONAS (UTP)

05



2 Ogos 2023

Open University Malaysia (OUM)

06



23 Ogos 2023

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)

07



5 September 2023

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

08



20 September 2023

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

09



3 Januari 2024

Universiti Putra Malaysia (UPM)

10



15 Januari 2024

Universiti Malaya (UM)

11



14 Februari 2024

Perpustakaan Dar Al-Hikmah, Universiti Islam Antarabangsa (UIAM)

12



15 Februari 2024

Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Melaka

13



24 April 2024

Universiti Islam Selangor (UIS) & Syarikat Bakti Suci

14

25 April 2024

Universiti Islam Selangor

15



30 Mei 2024

Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK)

16



9 Ogos 2024

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

17



15 Ogos 2024

Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia Terengganu

18



26 Ogos 2024

Universiti Tunku Abdul Rahman

19



27 Ogos 2024

UiTM Cawangan Pahang

20



18-20 Sep 2024

Unit Arkib Cawangan Negeri Sembilan






BILIK REPOSITORI DAN REKOD


BAHAGIAN KORPORAT & KOLABORASI
PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK UITM SHAH ALAM


Muhamad Azim Ansori
Unverified







Pembudayaan Ilmu
Membentuk Adiwangsa

UiTM *di hatiku*

اوسها.تقوى.موليا

